

06 SEP 1998

Mahathir-aman

RAKYAT MALAYSIA PELBAGAI KAUM HIDUP DENGAN AMAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum boleh bekerjasama antara satu sama lain serta mampu menghadapi apa-apa masalah atau perselisihan faham secara baik dan aman.

Perdana Menteri berkata rakyat perlu bersyukur kerana jika keadaan negara tidak tenteram dan selalu dilanda rusuhan mahupun pergaduhan, rakyat sendiri tidak dapat mencari pendapatan untuk diri dan keluarga mereka.

"Sebaliknya di negara yang aman seperti Malaysia, kita boleh hidup dengan senang-lenang, kita boleh bekerja dan mendapat pendapatan yang sewajarnya daripada usaha kita," katanya ketika berucap sebelum melepaskan 1,500 peserta Larian Duta di sini.

Larian sejauh 2.8 km yang disertai pemandu-pemandu pengangkutan awam Lembah Klang serta keluarga mereka, bermula dan berakhir di Hentian Duta di sini.

Perdana Menteri berkata rakyat yang lebih gigih berusaha pasti memperolehi pendapatan yang lebih banyak, bagaimanapun katanya, "oleh kerana keadaan dalam negara kita terdapat sedikit masalah pendapatan kaum-kaum yang berbeza-beza, sebab itu kerajaan memberi tumpuan kepada Bumiputera supaya mereka juga dapat menyertai dalam semua bidang."

"Dengan itu mereka (Bumiputera) akan mendapat pendapatan yang tidak terlalu kurang, atau kadang-kadang sama atau kadang-kadang lebih daripada kaum lain," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata tindakan sedemikian juga dapat mengurangkan perasaan irihati antara kaum dan seterusnya membantu menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan selamat.

Mengenai Sukan Komanwel Ke-16, Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia perlu membuktikan kebolehan mereka untuk menjayakan kejohanan yang bertaraf antarabangsa itu.

"Seluruh rakyat Malaysia mesti membuktikan kebolehan kita mengadakan Sukan Komanwel, melayan peserta dan pelawat untuk membuktikan kita adalah satu bangsa yang tahu menguruskan acara yang sebegini besar dengan jaya dan baik, supaya (pelawat) yang datang akan membawa kenangan manis apabila balik ke negara mereka," katanya.

Sukan Komanwel yang bermula Jumaat depan akan berlangsung selama 11 hari, dan dijangka disertai 6,000 atlit dan pegawai dari 70 negara anggota Komanwel.

Dr Mahathir berkata layanan baik akan membuatkan pelawat asing yang datang semasa Sukan Komanwel ini mahu mengunjungi Malaysia berkali-kali dan ini akan memberi keuntungan kepada semua pihak.

"Tiap kali mereka datang, pemandu bas, pemandu kereta sewa dapat juga (untung) sedikit sebanyak, negara pun dapat keuntungan, kita sama-sama dapat saham dalam apa juga hasil kerja kita ini.

"Baik kita yang berusaha, kerajaan, orang ramai, pekedai, hotel dan sebagainya, sama-sama kita bekerja, kita layan orang dan sama-sama dapat manfaat daripadanya," katanya.

Mengenai Hentian Duta, Perdana Menteri berkata beliau berpuas hati dengan prestasi perhentian bas dan teksi itu yang dibina dalam masa yang singkat bagi mengatasi masalah pengangkutan orang awam ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Katanya, keadaan di hentian itu lebih teratur dan selesa kepada pengguna daripada hentian lain yang sesak dan bas-basnya yang berhenti

secara tidak teratur.

Yang turut hadir pada Larian Duta yang dianjurkan sempena Sukan Komanwel serta bagi mempromosi Hentian Duta, ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed.

-- BERNAMA

RAZ NHD KHY